

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	22 SEPTEMBER 2016

Titah Yang di-Pertuan Agong kepada Dr. Mahathir

Deklarasi tidak ikut Perlembagaan

■ KUALA LUMPUR 21 SEPT.

YANG di-Pertuan Agong, Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah telah menjelaskan kepada bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad bahawa Deklarasi Pembangkang yang dibuat tidak mengikut Perlembagaan Persekutuan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, Seri Paduka bertitah demikian ketika menerima Dr. Mahathir menghadap di Istana Anak Bukit, Alor Se-



Tuanku Abdul Halim turut bertitah kepada Dr. Mahathir bahawa Seri Paduka tidak boleh mencampuri usaha yang dibuat oleh Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM)."

tar, Kedah minggu lalu.

Menurut beliau, sebarang tindakan sepatutnya diuruskan mengikut amalan lazim iaitu melalui Parlimen dan sistem pilihan raya bagi membolehkan rakyat membuat keputusan.

"Tuanku Abdul Halim turut

bertitah kepada Dr. Mahathir bahawa Seri Paduka tidak boleh mencampuri usaha yang dibuat oleh Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM)," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Dr. Mahathir menghadap Seri Paduka pada 15 September lalu

UM- 22/9/2016

bagi mempersembahkan Deklarasi Pembangkang yang bertujuan menjatuhkan Perdana Menteri.

Tindakan Dr. Mahathir yang juga Pengerusi PPBM itu disifatkan oleh banyak pihak sebagai 'wayang politik' untuk menarik perhatian rakyat.

Dr. Mahathir turut dilihat sebagai terdesak apabila mempersembahkan deklarasi berkenaan bagi menjaga air muka beliau di hadapan penyokongnya.

Malah, ada pihak yang mempersoalkan kewajaran Dr. Ma-

hathir mengambil tindakan seperti mahu mengheret institusi diraja dalam kemelut politik kerajaan beliau sendiri.

Lebih menghairankan, sebelum pertemuan itu, Dr. Mahathir pernah mendakwa bahawa Seri Paduka 'disekat' daripada bertemu beliau dan tuduhan tersebut akhirnya terbukti tidak benar.

Deklarasi Pembangkang juga dikecam kerana ia membelakangkan hak rakyat untuk memilih kerajaan secara demokratik melalui pilihan raya yang sah.